

62 pelajar Fakulti Kejuruteraan UMS terima Anugerah Kecemerlangan Pelajar

NST 21.5.2016 4

KOTA KINABALU: Seramai 62 pelajar Fakulti Kejuruteraan (FKJ) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima Anugerah Kecemerlangan Pelajar FKJ, di Bankuasi Dewan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Lima anugerah diberikan iaitu Anugerah Pelajar Dedikasi, Anugerah Kepimpinan, Anugerah Pelajar Harapan, Anugerah Dekan dan Anugerah Khas Dekan.

Anugerah itu diberikan kepada para pelajar yang cemerlang dalam lima program iaitu Kejuruteraan Sivil, Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Komputer.

Kesemua anugerah itu disampaikan oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan UMS Prof. Ir. Dr. Rosalam Hj. Sarbatly.

Ketika berucap pada majlis itu, Rosalam berharap anugerah itu dapat meningkatkan semangat dan motivasi kepada semua pelajar untuk terus mencapai kecemerlangan.

"Selain meningkatkan kecemerlangan dalam akademik, para pelajar juga perlu meningkatkan kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, kemahiran mengurus maklumat, menyelesaikan masalah, berketerampilan dan beretika sebab kemahiran-kemahiran itu lebih diperlukan apabila berada dalam dunia pekerjaan sebenar," katanya.

Sementara itu Pengerusi Anugerah Kecemerlangan Pelajar FKJ Tahun 2015, Dr. Razak Mohd Ali Lee berharap kejayaan yang dicapai oleh para pelajar akan menjadi pemangkin kepada budaya kecemerlangan demi mencapai kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan.

"Kita sedar bahawa dunia kini mengalami perubahan drastik dari semasa ke semasa yang menuntut kita untuk menguasai ilmu, kemahiran dan membina personaliti yang cemerlang untuk kekal relevan.

"Oleh itu pendidikan adalah bidang yang dinamik serta penuh cabaran yang memerlukan perancangan teliti dan pragmatik, kos yang besar serta jentera pelaksanaan yang cekap," katanya. - **OLEH MARRYAN RAZAN (marrayan@newsabahtimes.com.my)**